

Kuala Lumpur: Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, melahirkan rasa gembira membaca maklum balas yang diberikan oleh pengguna berkenaan infrastruktur Transit Aliran Massa (MRT) laluan Sungai Buloh-Kajang yang dibuka sepenuhnya bulan lalu.

“Alhamdulillah semuanya memberi maklum balas positif, malah berbangga dengan hasil titik peluh anak Malaysia yang merancang

Najib gembira maklum balas positif

dan membina projek pengangkutan awam bertaraf dunia terbabit.

“Ada juga yang berkongsi manfaat MRT kepada mereka dalam menjalani kehidupan seharian,” katanya dalam catatan di blog najibrzak.com semalam.

Beliau berkata, cerita yang

dipaparkan dalam beberapa akhbar tempatan memberi dorongan kepada kerajaan, Prasarana dan MRT Corp untuk melakukan yang lebih baik kepada rakyat dalam menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam yang efisien serta memenuhi keperluan rakyat.